

**PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN SAMBUTAN HARI INOVASI  
WP 5.3/2013**

**Perkara**

**Tanggungjawab**

**Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi**

**1. Tujuan**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan berhubung perbelanjaan sempena sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian/Jabatan. KP/KUPSM/KUKK

**2. Peraturan**

**2.1. Pertandingan**

- 2.1.1. Bilangan acara pertandingan yang boleh diadakan sempena sambutan Hari Inovasi adalah terhad kepada empat belas (14) acara sahaja. Pertandingan boleh diadakan samaada secara berkumpulan atau individu. JK Hari Inovasi

**2.2. Jamuan**

- 2.2.1. Kadar bagi mengadakan jamuan adalah tidak melebihi RM150 seorang sehari. Bagi lain-lain acara kadar bayaran adalah mengikut ketetapan/ kelulusan daripada Ketua Pengarah. KUKK

**2.3. Hadiah Pertandingan**

- 2.3.1. Hadiah kepada pemenang setiap acara pertandingan adalah terhad kepada kadar maksimum seperti berikut: JK Hari Inovasi

Pemenang	Pertandingan Peringkat			
	Kementerian/Jabatan Persekutuan		Jabatan Persekutuan di Negeri	
	Kumpulan	Individu	Kumpulan	Individu
Pertama Hadiah/ Tunai Piala	RM30,000	RM3,000	RM2,000	RM750
	RM300 Sijil	RM250 Sijil	RM250 Sijil	RM200 Sijil
Kedua Hadiah/ Tunai	RM3,000 Sijil	RM750 Sijil	RM1,000 Sijil	RM500 Sijil
Ketiga Hadiah/ Tunai	RM2,000 Sijil	RM500 Sijil	RM750 Sijil	RM25 Sijil

## Perkara

## Tanggungjawab

- 2.3.2. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesesuaian kadar hadiah bagi setiap kategori pertandingan.

KP

### 2.4. Panel Hakim

JK Hari Inovasi

- 2.4.1. Kementerian/Jabatan boleh melantik panel hakim dari luar agensi tidak melebihi tiga (3) orang bagi menilai peserta pertandingan yang diadakan. Panel hakim boleh diberi suguhati/hadiah tertakluk kepada had maksimum seperti berikut:

Peringkat Pertandingan	Ketua Hakim		Hakim	
	KIK	Acara Lain	KIK	Acara Lain
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	RM200 Sehari	RM200 satu Program	RM150 Sehari	RM150 satu Program
Jabatan Persekutuan di Negeri	RM100 Sehari	RM100 satu Program	RM80 sehari	RM80 satu Program

- 2.4.2. Hadiah bagi pemenang dan panel hakim di atas boleh diberi dalam bentuk tunai dan/atau hadiah dalam bentuk plaque, buku atau kraftangan tempatan sahaja terhad kepada kadar maksimum di atas.

JK Hari Inovasi

### 2.5. Bayaran Penceramah

- 2.5.1. Bayaran penceramah jemputan yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam adalah mengikut kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8/2013 atau pindaan. Bagi penceramah daripada pihak swasta adalah berdasarkan kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam pekeling Perbendaharaan PK 2/2013 atau pindaan.

JK Hari Inovasi

### 2.6. Hiasan dan Pameran

- 2.6.1. Perbelanjaan hiasan dewan dan pameran hendaklah di peringkat minimum dan mematuhi tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

JK Hari Inovasi

## **Perkara**

## **Tanggungjawab**

### **2.7. Tempat Mengadakan Hari Inovasi**

2.7.1. Sambutan Hari Inovasi Kementerian/Jabatan sebolehnya hendaklah diadakan di kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing bagi memudah dan membolehkan semua pegawai kementerian/Jabatan menyertai program yang diadakan serta menjimatkan perbelanjaan.

Di tentukan oleh  
KP atau MPT